

27/02/2001

MAS mungkin lantik ketua pegawai operasi rakyat asing

KUALA LUMPUR, Isnin - Penerbangan Malaysia (MAS) mungkin melantik rakyat asing sebagai ketua pegawai operasi dan penasihat teknikalnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, beberapa rakyat asing yang mempunyai pengetahuan mengenai perkara teknikal perlu mengendalikan syarikat penerbangan kebangsaan itu.

"Pakar asing diperlukan kerana mengendalikan syarikat penerbangan tidak sama seperti menguruskan syarikat petroleum dan ekonomi," katanya menjawab soalan pemberita selepas menyampaikan ucap tama di Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi, di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai kemungkinan rakyat asing dilantik untuk mengendalikan MAS, yang kini menghadapi masalah kewangan.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan pelantikan Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin sebagai pengerusi bukan eksekutif MAS yang baru, manakala Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Md Nor Md Yusof sebagai Pengarah Urusan, berkuat kuasa 15 Februari lalu.

Pelantikan itu berikutan selesainya pembelian 29.09 peratus saham MAS daripada Naluri Bhd oleh Menteri Kewangan Diperbadankan pada pertimbangan RM1.792 bilion.

Dr Mahathir berkata, Azizan dan Md Nor, masing-masing adalah daripada industri petroleum dan perbendaharaan.

"Kita mungkin mendapatkan orang asing atau mereka yang berpengetahuan (dalam mengendalikan syarikat penerbangan)...tidak sama seperti menguruskan syarikat petroleum dan ekonomi," katanya.

Ditanya mengapa kerajaan tidak bercadang melantik anak tempatan bagi mengendalikan MAS sebagai ketua pegawai operasi, beliau secara berseloroh memberitahu pemberita: "Anda boleh cadangkan satu nama".

Mengenai usaha mendapatkan institusi asing yang berminat untuk membeli saham syarikat itu, Dr Mahathir berkata ia adalah sesuatu yang bukan senang untuk dilakukan.

"Ia bukan sesuatu yang mudah. Rakan kongsi (asing) itu mesti terlebih dulu bersetuju (untuk membeli ekuiti) dan mereka juga mestilah rela," katanya sambil mengesahkan, kerajaan kini berunding dengan beberapa rakan asing mengenai penjualan itu.

Beliau enggan menamakan pihak asing yang terbabit dalam perundingan yang sedang berjalan itu.

Minggu lalu, Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, berkata kerajaan masih terbuka kepada cadangan institusi asing yang berminat membeli sahamnya dalam MAS. Pelantikan pengerusi dan pengarah urusan baru MAS tidak bermakna ia sudah menutup cadangan itu.

(END)